



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEP)**

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**TAHAP KESEDIAAN GURU ALIRAN PERDANA DALAM  
PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF  
SEKOLAH RENDAH DI SELANGOR**

*THE READINESS LEVEL OF MAINSTREAM TEACHERS IN THE  
IMPLEMENTATION OF THE INCLUSIVE EDUCATION PROGRAMME AT  
SELECTED PRIMARY SCHOOLS IN SELANGOR*

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi<sup>1\*</sup>, Norazimah Zakaria<sup>2</sup>, Norida Basran<sup>3</sup>, Kama Shafiee<sup>4</sup>, Mohd Syaubari Othman<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: norazimah@fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idihs, Malaysia  
Email: yayanadia5148@gmail.com

<sup>4</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: kama@fpm.upsi.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idihs, Malaysia  
Email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.05.2022

Revised date: 28.05.2022

Accepted date: 24.06.2022

Published date: 30.06.2022

**To cite this document:**

Hanapi. M. H. M., Zakaria, N., Basran, N., Shaffeei, K., & Othman, M. S. (2022). Tahap Kesediaan Guru Aliran Perdana Dalam Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Sekolah Rendah Di Selangor. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 668-673.

**Abstrak:**

Program Pendidikan Inklusif atau dikenali sebagai Program Pendidikan Inklusif (PPI) diwujudkan untuk memberi peluang dan ruang kepada Murid Berkeperluan Khas atau Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk memperoleh pendidikan yang sesuai yang selaras dengan keperluan mereka. Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap positif guru arus perdana merupakan aspek penting bagi memastikan program pendidikan inklusif dapat dilaksanakan dengan berkesan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru aliran perdana terhadap pelaksanaan program ini. Secara umumnya, kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen tinjauan untuk mengenal pasti dan menganalisis secara empirikal dan sistematis mengenai tahap kesediaan guru aliran perdana di empat buah sekolah rendah di daerah Sabak Bernam. Teori pembelajaran Konstruktivisme oleh Lev Semenovich Vygotsky digunakan untuk menerangkan tahap kesediaan guru arus perdana yang terlibat dalam pelaksanaan program pendidikan inklusif. Sampel kajian terdiri daripada 90 orang guru aliran perdana yang terlibat dalam program

DOI: 10.35631/IJEPC.746050

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pendidikan inklusif di sekolah terpilih. Dapatkan kajian menunjukkan tahap Kesediaan Guru Aliran Perdana dalam Pelaksanaan PPI berada pada tahap sederhana dengan nilai min= 3.52 dan sisihan piawai=0.89. Kesimpulan daripada analisis menunjukkan tahap kesediaan guru-guru boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan Program Pendidikan Inklusif dapat dilaksanakan dengan berkesan.

#### Kata Kunci:

Program Pendidikan Inklusif, Murid Berkeperluan Khas, Tahap Kesediaan, Guru Aliran Perdana.

#### Abstract:

The Inclusive Education Programme or known as Program Pendidikan Inklusif (PPI) was created to provide an opportunity and space for Pupils with Special Needs or Murid Berkeperluan Khas (MBK) to acquire suitable education which is aligned with their requirements. The levels of knowledge, readiness and positive attitude of the mainstream teachers are all important aspects to ensure that the inclusive education programme could be implemented effectively. The objective of this study was to identify the readiness level of the mainstream teachers towards the implementation of this programme. Generally, this quantitative study utilised the survey instrument to identify and analyse in an empirical and systematic manner regarding the readiness level of the mainstream teachers at four primary schools in the Sabak Bernam district. The Constructivism learning theory by Lev Semenovich Vygotsky was utilised to describe the readiness level of the mainstream teachers who were involved in the implementation of the inclusive education programme. The study sample comprised 90 mainstream teachers who were involved in the inclusive education programme at the selected schools. The level of readiness of mainstream teachers in the implementation of IEP is also at a moderate level with a mean value = 3.52 and standard deviation = 0.89. The conclusion from the analysis indicated that the readiness level of the teachers could be improved from time to time to ensure that the Inclusive Education Programme could be implemented effectively.

#### Keywords:

Inclusive Education Programme, Pupils with Special Needs, Readiness Level, Mainstream Teachers.

## Pendahuluan

Program Pendidikan Inklusif (PPI) ialah satu program yang disediakan untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) bagi membolehkan mereka belajar bersama-sama murid aliran perdana dalam bilik darjah yang sama dan sekolah yang sama, untuk mengikuti kemudahan belajar dalam keadaan normal tanpa mengira kaum, latar belakang, status ekonomi dan tahap ketidakupayaan. Program Pendidikan Inklusif (PPI) diwujudkan bagi memberi ruang dan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) untuk mendapatkan pendidikan yang bersesuaian dengan masalah mereka. Akta pendidikan 1996 telah berkuatkuasa pada 31 Disember 1997 menitikberatkan tentang golongan kurang upaya dengan mengadakan program khusus untuk MBK di sekolah. Peluang pendidikan MBK di kelas inklusif bersama murid aliran perdana dikategorikan sebagai murid yang bermasalah pembelajaran, pendengaran dan bermasalah penglihatan serta PPI telah diberikan oleh Unit Pendidikan Khas di Jabatan

Pendidikan khas. Program Pendidikan Inklusif dijalankan bagi memberi peluang kepada semua kanak-kanak tanpa terdapat jurang perbezaan antara satu sama lain. Selain itu tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap positif guru-guru aliran perdana terhadap MBK menjadi aspek yang sangat penting agar program pendidikan inklusif dapat dilaksanakan dengan baik.

### Kajian Literatur

Hanya 55% sahaja yang membangunkan rancangan pendidikan individu sebagai persediaan untuk peralihan inklusif yang akan datang dalam domain perancangan dan penyediaan dalam kajian yang telah dijalankan (Lyn et al., 2020). Mereka juga melaporkan bahawa pemahaman yang rendah tentang pengurusan bilik darjah dan tingkah laku, lebih khusus dengan mewujudkan tingkah laku yang sesuai. Dalam kajian ini juga mendapati guru aliran perdana mempunyai pengetahuan yang rendah dan kepercayaan yang kurang dan beranggapan bahawa tanggungjawab mereka untuk menyokong pelajar berkeperluan khas secara inklusif sangat kurang berbanding guru yang mengajar pendidikan khas di dalam kelas pendidikan khas. Di dalam kajian ini, penyelidik membahagikan kepada 3 bahagian peralihan iaitu sebelum semasa dan selepas transisi berlangsung. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendidik berkeperluan khas sedikit lebih berpengetahuan dalam peranan dan tanggungjawab mereka dalam menyokong pelajar berkeperluan khas ke dalam bilik darjah inklusif berbanding dengan pendidik arus perdana rakan sejawatan mereka dalam ketiga-tiga peringkat peralihan.

Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Norliah Mohd Amin & Mohd. Hanafi Mohd Yasin, (2016) hanya 60% sahaja guru aliran perdana yang bersedia mengajar MBK di kelas inklusif dan daripada jumlah itu terdapat 55.30% guru aliran perdana yang mendapatkan bimbingan daripada guru pendidikan khas yang ditugaskan sebagai guru pendamping dalam mengendalikan MBK.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd. Mokhtar Tahar & Farhana Najib (2019) mendapati bahawa pelaksanaan pendidikan inklusif di sekolah rendah adalah kurang memberangsangkan. Perkara ini telah dibincangkan dalam kajian ni dengan hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan kajian adalah lebih negatif terhadap kesediaan guru aliran perdana melaksanakan pendidikan inklusif. Walau bagaimanapun, hasil yang diperoleh tidak memberi maksud guru menolak dan tidak melaksanakan pendidikan inklusif secara terus, tetapi tidak berada pada tahap pelaksanaan yang sepatutnya. Guru masih tidak menjalankan pendidikan inklusif dengan sempurna kerana kekurangan dari segi latihan dan pengetahuan terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif.

### Perbincangan dan Kesimpulan

**Jadual 1.1 Tahap Kesediaan Guru Aliran Perdana Dalam PPI**

Bil	Item	Min	Sisihan piawai	Tahap
1	Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif Inklusif (PPI)	3.26	1.07	sederhana
2	Saya mempunyai kemahiran yang terhad untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti PPI	3.39	.936	sederhana
3	Saya sukar untuk menggunakan Bahasa yang mudah difahami oleh murid pendidikan khas yang mengikuti PPI	3.12	.884	sederhana

4	Saya boleh berinteraksi dengan murid pendidikan khas yang mengikuti PPI	3.66	.670	sederhana
5	Saya sering berinteraksi dengan murid pendidikan khas tentang pelbagai aspek terutama berkaitan dengan keluarga	3.65	.850	sederhana
6	Saya sering merujuk dan mencari ilmu yang berkaitan dengan PPI di dalam media sosial	3.70	.756	sederhana
7	Saya ingin menyertai kursus atau latihan yang berkenaan dengan PPI bagi meningkatkan ilmu pengetahuan	3.85	.881	sederhana
8	Saya pernah mengikuti kursus atau latihan Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT) ataupun Bahasa Isyarat	2.75	1.25	rendah
9	Saya amat berkeyakinan untuk mengikuti kursus atau latihan yang berkenaan dengan PPI	3.62	.842	sederhana
10	Saya mencari maklumat di dalam media massa berkenaan tentang cara untuk memahami kehendak atau emosi murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti PPI	3.63	.813	sederhana
11	Saya pernah mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang pendidikan khas	3.16	1.19	sederhana
12	Saya memerlukan kursus untuk meningkatkan kemahiran mengajar di kelas inklusif	3.87	.897	Sederhana
13	Saya sanggup melakukan perubahan fizikal di dalam kelas jika murid pendidikan khas memerlukannya	3.87	.790	Sederhana
14	Saya bersedia menyediakan bahan bantu pembelajaran untuk murid pendidikan khas yang memerlukan	3.88	.710	Sederhana
<b>Purata Min</b>		<b>3.52</b>	<b>0.89</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 1.1 menunjukkan Analisis Tahap Kesediaan Guru Aliran Perdana dalam Program Pendidikan Inklusif Daerah Sabak Bernam. Dapatkan keseluruhan soal selidik kajian ini menunjukkan purata min =3.52 dan sisihan piawaian = 0.89 dan berada pada tahap sederhana.

Hasil analisis mendapati min Item 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 11, 12, 13 dan 14 sederhana. Hasil dapatkan analisis mengikut jumlah min ialah item 14 (Saya bersedia menyediakan bahan bantu pembelajaran untuk murid pendidikan khas yang memerlukan) sebanyak min =3.88, kemudian item 13 (Saya sanggup melakukan perubahan fizikal di dalam kelas jika murid pendidikan khas memerlukannya) sebanyak min =3.87, item 12 (Saya memerlukan kursus untuk meningkatkan kemahiran mengajar di kelas inklusif) min =3.87, item 7 (Saya ingin menyertai kursus atau latihan yang berkenaan dengan PPI bagi meningkatkan ilmu pengetahuan) sebanyak min =3.85, item 6 (Saya sering merujuk dan mencari ilmu yang berkaitan dengan PPI di dalam media sosial) sebanyak min =3.70 , item 4 (Saya kecewa mengajar murid pendidikan khas) sebanyak min =3.66, item 5 (Saya sering berinteraksi dengan murid pendidikan khas tentang pelbagai aspek terutama berkaitan dengan keluarga) sebanyak min =3.65, item 10 (Saya mencari maklumat di dalam media massa berkenaan tentang cara untuk memahami kehendak atau emosi murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti PPI) sebanyak min = 3.63, item 9 (Saya amat berkeyakinan untuk mengikuti kursus atau latihan yang berkenaan dengan PPI) sebanyak min =3.62, item 2 (Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti PPI), item 1 (Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti

PPI) sebanyak min =3.26, item 11 (Saya pernah mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang pendidikan khas) sebanyak min =3.16 dan seterusnya dapatan paling sederhana item 3 (Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti PPI) iaitu nilai min =3.12.

Manakala, bagi item 8 (Saya pernah mengikuti kursus atau latihan Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT) ataupun Bahasa Isyarat) merupakan nilai min yang paling rendah berbanding empat belas item iaitu sebanyak min =2.75. Keseluruhan nilai purata min dan sisihan piawai Tahap Kesedaran Guru Aliran Perdana dalam Program Pendidikan Inklusif Sekolah Rendah Sabak Bernam berada pada tahap sederhana dengan tiga belas item kurang daripada nilai min 4.0 iaitu item 1 (Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti PPI), item 2 (Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti PPI), item 3 (Saya berpengalaman untuk mengajar murid pendidikan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas yang mengikuti PPI), item 4 (Saya kecewa mengajar murid pendidikan khas), item 5 (Saya sering berinteraksi dengan murid pendidikan khas tentang pelbagai aspek terutama berkaitan dengan keluarga), item 6 (Saya sering merujuk dan mencari ilmu yang berkaitan dengan PPI di dalam media sosial), item 7 (Saya ingin menyertai kursus atau latihan yang berkenaan dengan PPI bagi meningkatkan ilmu pengetahuan), item 9 (Saya amat berkeyakinan untuk mengikuti kursus atau latihan yang berkenaan dengan PPI) item 10 (Saya mencari maklumat di dalam media massa berkenaan tentang cara untuk memahami kehendak atau emosi murid bermasalah pembelajaran yang mengikuti PPI), item 11 (Saya pernah mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang pendidikan khas), item 12 (Saya memerlukan kursus untuk meningkatkan kemahiran mengajar di kelas inklusif), item 13 (Saya sanggup melakukan perubahan fizikal di dalam kelas jika murid pendidikan khas memerlukannya), item 14 (Saya bersedia menyediakan bahan bantu pembelajaran untuk murid pendidikan khas yang memerlukan).

## Kesimpulan

Berdasarkan analisis soal selidik yang dijalankan, secara keseluruhan tahap kesediaan guru aliran Perdana dalam pelaksanaan PPI daerah Sabak Bernam, berada pada tahap sederhana iaitu purata min =3.52 dan sisihan piawaian = 0.89 dan berada pada tahap sederhana.

Guru aliran perdana haruslah mempunyai persediaan awal bahan bantuan pembelajaran dan pengajaran berkaitan program pendidikan inklusif. Penyediaan rancangan mengajar yang lebih awal dan bersesuaian dapat membantu memudahkan guru sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Guru aliran perdana juga perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan bagi menghadapi karenah murid berkeperluan khas (MBK) yang sangat unik dengan pelbagai watak tersendiri seperti tidak sabar, memberontak, cepat menangis dan lambat dalam menerima pengetahuan yang dipelajari. Pengetahuan pedagogi merupakan aspek terpenting untuk memastikan keberkesanan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran (Mohd Rohiman & Rohizani Yaakub, 2021).

Guru perlu mempunyai sifat yang sabar dan ikhlas sewaktu menghadapi situasi MBK yang tidak sama dengan murid aliran perdana dengan cara sentiasa berupaya mendengar dengan tekun, mengawal perasaan serta menghargai murid. Sekiranya guru aliran perdana mengambil ringan tentang sikap sabar yang perlu ada pada setiap guru PPI, dikhuatir guru akan mengalami situasi yang sukar dalam mengendali MBK yang mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI).

## References

- Abdul Rahim Hamdan & Muhamad Khairul Anuar Hussin. (2013). Persepsi Guru Aliran Perdana. Terhadap Inklusif. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Akta Pendidikan. (1996). Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas. 2013. Undang-Undang Malaysia.
- Ang Bin Huan. (2001). Konsep dan kaedah pengajaran dengan penekanan pendidikan inklusif. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution Sdn. Bhd.
- Ardiati, L. (2021). Perbandingan Teori Perkembangan Kognitif Anak Usia Dini Jean Piaget dan Lev Vygotsky serta Relevansinya Terhadap Pendidikan Islam (Doctoral dissertation, Iain Bengkulu).
- Avramidis, E. & Norwich, B. (2002). ‘Teachers’ attitudes towards integration. 17 (2), 129-47.
- Azam, Saiful. (2017). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia.
- Cresswell, J.W. (2005). Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating 60 Quantitative and Qualitative Research. New Jersey Pearson Education Inc.
- Elizabeth. K. Thomas & Seema. P. Uthaman. (2019). Knowledge and attitude of primary school teachers towards inclusive education of children with specific learning disabilities. Journal of social work education and practice, 4(2), 23-32.
- Farah Farhana Jamil & Suziyani Mohamed. (2019). Tahap Kesedian Guru Mengajar Kanak-kanak Berkeperluan Khas di Prasekolah Bahagian Bintulu. ICOFEA Conference Proceeding, 132- 137.
- Farhana Najib & Mohd Mokhtar Tahar. (2019). Pelaksanaan Pendidikan Inklusif Dari Sudut Kesediaan Guru Aliran Perdana. International Conference on Global Education VII, 727-740.
- Gruggink, M., Goei, S .L., & Koot, H. M. (2015). Teachers' capacities to meet students' additional support needs in mainstream primary education. Teachers and Teaching: Theory and Practices, 22(4), 448-460.
- Hamdan, A. R., & Hussin, M. K. A. (2013). Persepsi guru aliran perdana terhadap inklusif. Skudai: Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanapi, M. H. M., Zakaria, N., Basran, N., & Shaffei, K. (2022). Tahap Pengetahuan Guru Aliran Perdana dalam Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Sekolah Rendah di Sabak Bernam. Jurnal Dunia Pendidikan, 4(1), 512-518.
- Ibrahim, Rohaizat. (2019). Pengetahuan Guru Perdana Terhadap Program Pendidikan Inklusif.
- Pau Swee Lin & Mohd Hanafi Mohd Yasin (2021). Pengetahuan Dan Sikap Guru Aliran Perdana Terhadap Program Pendidikan Inklusif Di Daerah Sibu. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(1).
- Rohaizat Ibrahim. (2019, September 25). Pengetahuan Guru perdana terhadap program Pendidikan Inklusif. researchgate.net. Retrieved January 3, 2021, from [https://www.researchgate.net/publication/344659255\\_Pengetahuan\\_Guru\\_Perdana\\_Terhadap\\_Program\\_Pendidikan\\_Inklusif](https://www.researchgate.net/publication/344659255_Pengetahuan_Guru_Perdana_Terhadap_Program_Pendidikan_Inklusif).
- Saiful Azam. (2017). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-murid Berkeperluan Khas di Malaysia. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, October.Rohaizat Ibrahim. (2019). Pengetahuan guru perdana terhadap Program Pendidikan Inklusif. Special Education International Conference (SEIC), 25-27 September 2019.